

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (5)



---

**SURAT PEKELILING BENDAHARI**  
**BILANGAN 3 TAHUN 2021**

---

**PEMBATALAN PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PERNIAGAAN DALAM  
KALANGAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Pejabat Bendahari

13 Jun 2021

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

## UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (5)

13 Jun 2021

### SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2021

#### **PEMBATALAN PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PERNIAGAAN DALAM KALANGAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

##### **1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Pembatalan Pemakaian Garis Panduan Perniagaan Dalam Kalangan Staf Universiti Malaysia Kelantan yang telah dipekelingkan menerusi Pekeliling Pentadbiran Bil. 16 Tahun 2017 bertarikh 15 November 2017.

##### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan Garis Panduan dan Pemantauan Syarikat Hiliran (Spin-Off) dan Syarikat Terbitan (Start-up) yang dibentangkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Peyelidikan dan Inovasi) dalam Mesyuarat LPU Bilangan 2 Tahun 2020 yang bersidang pada 23 Ogos 2020 (salinan Garis Panduan di Lampiran A).
- 2.2 Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada justifikasi di bawah, Cadangan Pembatalan Pemakaian Garis Panduan Perniagaan Dalam Kalangan Staf Universiti Malaysia Kelantan telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melalui Mesyuarat LPU Bil. 2 Tahun 2021 (Kali Ke-58) yang bersidang pada 12 April 2021.

### 3. JUSTIFIKASI PEMBATALAN

- 3.1 Garis Panduan Perniagaan Dalam Kalangan Staf UMK telah dirujuk semasa proses penggubalan Garis Panduan dan Pemantauan Syarikat Hiliran (Spin-Off) dan Syarikat Terbitan (Start-up).
- 3.2 Garis Panduan dan Pemantauan Syarikat Hiliran (Spin-Off) dan Syarikat Terbitan (Start-up) adalah lebih komprehensif kandungannya.
- 3.3 Universiti perlu mengkhususkan projek/aktiviti perniagaan dan perundingan berdasarkan kepada kepakaran staf di fakulti/PTj. Melalui kaedah ini aktiviti pengkomersialan prototaip dan output penyelidikan dapat ditingkatkan. Selain daripada itu khidmat perundingan yang diberikan kepada masyarakat dan industri dapat meningkatkan lagi imej Universiti sebagai Universiti Keusahawanan.

### 4. PEMAKAIAN

- 4.1 Tarikh kuasa kuasa Pembatalan Pemakaian Garis Panduan Perniagaan Dalam Kalangan Staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah sebagaimana tarikh kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melalui Mesyuarat LPU Bil. 2 Tahun 2021 (Kali Ke-58) iaitu pada 12 April 2021.

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT”**  
**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**MOHD YUSRI BIN AWAMG**  
Timbalan Bendahari Kanan  
Menjalankan Tugas Bendahari  
b.p: Naib Canselor